

Pelajar UMS bersihkan Surau Al Jannah Taman Sepanggar

NST 11-10-16 8

KOTA KINABALU: 14 pelajar daripada Fakulti Perakaunan Ekonomi dan Perniagaan (FPEP) daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah memanfaatkan projek 'Corporate Social Responsibility' (CSR) mereka di Surau Al Jannah Taman Sepanggar, pada Ahad lalu.

Para pelajar telah melaksanakan kerja-kerja amal mereka dengan membersihkan ruang solat, kawasan persekitaran surau, membersihkan peralatan elektrik, mengemas sejadah dan menyusun kitab-kitab al-Quran.

Menurut Ketua Program berkenaan, Nur Hidayah Ruslan, kerja-kerja CSR yang mereka laksanakan adalah salah satu projek kerja amal yang perlu dilaksanakan di luar kampus bersama masyarakat dengan harapan boleh berinteraksi dengan masyarakat serta ahli jawatankuasa di Surau Al-Jannah.

Hidayah berkata kerja-kerja amal bukan sahaja bermanfaat kepada pelajar, malah ianya juga dapat mempelajari budaya masyarakat di samping mengeratkan hubungan silaturahim bersama penduduk di Taman Perumahan Sepanggar.

Bagi Sopia Basri menyertai khidmat masyarakat sememangnya satu ibadah yang terbaik dilaksanakan oleh pelajar agar dapat memberikan kemesraan bergaul dengan mempelajari adat resam masyarakat yang boleh dijadikan panduan kepada mana-mana graduan setelah menamatkan pengajian kelak.

Seorang lagi mahasiswa daripada Fakulti Perakaunan Ekonomi dan Perniagaan, Damme Verus, amat senang hati melaksanakan kerja-kerja amal berkenaan yang boleh mengajar kepada mereka betapa pentingnya pelaksanaan CSR kepada masyarakat.

Turut serta dalam kerja-kerja amal itu ialah suri rumah yang juga ahli jawatankuasa Surau Al Jannah yang terdiri daripada Sainah Mustakim, Dang Normah Ayun dan Lily Yahya.

Mereka telah meluangkan masa bersama para pelajar UMS dengan menanam pelbagai jenis pokok yang sesuai ditanam di halaman surau tersebut.

Pengerusi Surau Al Jannah Taman Sepanggar, Haji Manap Haji Jainudin amat gembira dengan kerja CSR yang telah dilaksanakan oleh para pelajar UMS.

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah di atas kesudian mereka memilih Surau Al-Jannah sebagai projek CSR.